



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELUNCURAN PROJEK  
PEMBANGUNAN KOTA MADANI PRESINT 19,  
PUTRAJAYA**

**26 JUN 2025**

**PRESINT 19  
PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَصَلَاةُ  
وَسَلَامٌ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اجْمَعِينَ،  
رَبِّنَا آتَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً، وَهَيَّءْنَا  
مِنْ أَمْرِنَا رِشْدًا، رَبِّ اشْرَحْ لِي  
صَدْرِي، وَيِسِّرْ لِي أَمْرِي، وَاحْلِلْ  
عَقْدَةً مِنْ لِسَانِي، يَفْقَهُوا قَوْلِي.

## **SALUTASI**

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim
- Adinda Yang Berhormat Saudari Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan
- Yang Berhormat Dato' Naim, Menteri Agama
- Tan Sri KSN
- Datuk Seri Noridah – Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Dato' Fadlun – Presiden Perbadanan Putrajaya
- Tetamu-tetamu kehormat
- Rakan-rakan media
- Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah, izin serta kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada pagi penuh bermakna ini bagi menyempurnakan peluncuran pembangunan Kota MADANI yang merupakan cetusan idea Perdana Menteri dan akan menjadi satu projek pembangunan ikonik di Putrajaya.

2. *Thank you sir for making your time despite your busy schedule!* Sudah pasti, kehadiran Perdana Menteri pada pagi ini adalah bukti jelas bahawa agenda kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan beliau, khususnya kepada para penjawat awam yang menjadi tulang belakang kepada sistem pentadbiran negara.

**KEPERLUAN                            MENYEGERAKAN**

**PEMBINAAN KOTA MADANI**

Hadirin-hadirat sekalian,

3. Pada hari ini saya tidak berhasrat untuk berucap panjang dan ingin mengambil sedikit masa sahaja bagi memberi penjelasan tentang keperluan mendesak untuk kita mulakan projek pembangunan Kota Madani ini.

4. Pertamanya, saya ingin sekali lagi menepis tanggapan bahawa pembangunan Kota Madani ini adalah untuk menggantikan Putrajaya. Sebaliknya, Kota Madani adalah merupakan subset atau sebahagian kecil, iaitu hanya merangkumi 0.8 peratus sahaja dari keseluruhan Putrajaya.

5. Kedua, pembangunan ini dirangka sebagai satu konsep pembangunan yang unik dan bersifat *walkable* dengan radius yang dekat antara bangunan. Konsep pembangunan ini menggabungkan elemen teras MADANI dan CHASE dengan berdasarkan integrasi pembangunan, persekitaran yang selamat dan mesra pejalan kaki, teknologi AI serta pembangunan yang mampan dan inklusif.

6. Ketiga, penerima manfaat kepada pembangunan Kota Madani ini adalah seramai 10 ribu orang penjawat awam kerana rumah yang akan dibina ini adalah rumah kuarters penjawat awam. Keperluan sebenar kuarters di Putrajaya adalah sebanyak 35 ribu unit, namun ketika ini kita hanya ada 22 ribu unit sahaja. Dengan permintaan yang tinggi kepada kuarters, di mana permohonan yang berada dalam senarai menunggu kuarters sekarang ini adalah seramai 17 ribu permohonan.

7. Realitinya, jumlah kuarters ini kekal 22 ribu unit sejak lebih 20 tahun lalu, tidak pernah meningkat dan tidak pernah diselesaikan oleh kerajaan terdahulu, dan ini hanya terlaksana selepas 20 tahun di bawah Kerajaan MADANI pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa memikirkan dan mengambil berat tentang kebijakan penjawat awam.

8. Bayangkan realiti yang dihadapi oleh seorang pegawai Kumpulan Sokongan yang tidak dapat tempat di kuarters kerana tiada kekosongan, terpaksa sewa rumah di sekitar Putrajaya dengan lingkungan sewa sekitar 1,200 ke 1,500 ringgit. Kos petrol hantar anak ke sekolah kemudian ke pejabat pula memerlukan lagi 500 ringgit.

9. Dengan adanya Kota Madani ini, pegawai tersebut hanya duduk di kquarters dengan kos yang minimum, elaun rumah ditolak dan COLA ditolak separuh, kurang lebih 400 ringgit sahaja. Sekolah anak pun dekat dan *walkable*, anak pergi dan balik sekolah dengan selamat kerana kita lengkapi dengan sistem keselamatan yang canggih, tak perlu risau lagi. Kos petrol juga boleh dijimatkan. Saya anggarkan, pegawai tersebut boleh jimat sehingga 1 ribu ringgit sebulan. Jadi, mereka boleh buat simpanan masa depan dengan penjimatan tersebut. Ini lah konsep MADANI yang kita bangunkan dengan realiti, bukan sekadar slogan.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

10. Putrajaya ini dibina sebagai simbol pentadbiran moden dan terancang. Maka, Kota Madani adalah kesinambungan dan penyempurnaan kepada visi ini, dengan memberi penekanan kepada ekosistem kehidupan yang inklusif, berdaya huni dan selamat. Ini adalah manifestasi kepada nilai MADANI di mana rakyat menjadi subjek kepada pembangunan, bukan objeknya.

11. Akhirul kalam, saya ucapkan terima kasih berbanyak-banyak kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pembangunan ini, daripada pasukan perancang sehingga ke pasukan pelaksana di semua peringkat.

Untuk itu, sekian, wabillahi taufiq walhidayah  
wassalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.